

TEKS UCAPAN

YANG DIPERTUA MPSP

MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH KOMUNITI MAMPAN 2014

8 JANUARI 2014 (RABU), JAM 2:30 PETANG

AUDITORIUM MPSP

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Tempatan
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan,
Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Yang Dihormati bakal Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Dihormati Puan Hasifah Wati Binti Harun

Pemangku Pengarah, Bahagian Sumber Manusia
Flextronics Technology (Penang) Sdn Bhd

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian,

**Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh, Salam Sejahtera
dan Selamat Petang**

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama pada petang ini untuk Majlis Pelancaran Anugerah Komuniti Mampan 2014. Terlebih dahulu saya bagi pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Y.B. Tuan Phee Boon Poh, Puan Hasifah Wati Binti Harun, Pemangku Pengarah, Bahagian Sumber Manusia, Flextronics Technology (Penang) Sdn Bhd dan semua yang hadir pada petang ini.

Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Untuk makluman, Majlis Pelancaran Anugerah Komuniti Mampan 2014 adalah salah satu daripada program di bawah Program Local Action 21 Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan kerjasama dan tajaan daripada Flextronics Technology (Penang) Sdn Bhd dan merupakan tahun ke dua program ini diadakan.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Flextronics Technology (Penang) Sdn Bhd kerana sudi menaja program ini untuk tahun ke dua dan memberi sumbangan wang tunai sebanyak RM11,500.00 sebagai hadiah kepada penyertaan yang berjaya melaksanakan komuniti mampan. Saya berharap kerjasama dan penajaan ini akan berterusan dan dijadikan acara tahunan untuk tahun hadapan dan seterusnya.

Tujuan Anugerah ini adalah untuk memberikan pengiktirafan kepada inisiatif-inisiatif hijau yang dijalankan oleh komuniti dalam menjaga kualiti alam sekitar dan kemampanan komuniti seperti yang termaktub di dalam Pelan Tindakan Local Action 21 Seberang Perai. Prinsip LA 21 digalakkan bagi melahirkan sebuah masyarakat dan komuniti setempat yang sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar untuk diseimbangkan dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial. Dalam anugerah ini, aktiviti-aktiviti inisiatif komuniti mampan yang boleh dijadikan rujukan peserta adalah seperti:

- Kitar semula
- Pengasingan di punca (*Segregation at source*)
- Kompos
- Eco Enzim
- Jus Enzim
- Penanaman pokok, pengindahan dan pembersihan kawasan

- Kebun kejiranan
- Sesi pendidikan berkenaan dengan isu pembangunan mampan
- Kesedaran ke atas rancangan kemajuan, impak alam sekitar, social dan ekonomi
- Kesedaran dan penyertaan dalam program MPSP dan agensi lain
- Pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, bukit, sungai dan tasik
- Skim menganak-angkat kemudahan awam
- Skim pengawasan kejiranan dan kawalan keselamatan
- Sambutan Perayaan Hari Kebesaran
- Cintai kemudahan awam
- Gotong-royong
- Penyediaan kemudahan bagi kumpulan OKU dan warga emas

Ini hanya contoh untuk menambahbaik kualiti alam sekitar dan kemampuan komuniti. Sekiranya tuan-tuan dan puan-puan mempunyai inisiatif yang lebih baik adalah digalakkan untuk diperaktikan di kawasan perumahan masing-masing.

Program Anugerah Komuniti Mampan 2014 ini adalah terbuka kepada semua Persatuan Penduduk yang berdaftar, Rukun Tetangga (RT), Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), Joint

Management Body (JMB) dan Management Corporation (MC) di kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Bagi aspek pemarkahan pula, profil kejiranan, profil komuniti, profil organisasi, inisiatif komuniti ke arah kemampunan dan kemajuan diambil kira. Selain itu, aspek inisiatif bagi integrasi sosial, kejiranan hijau, kejiranan selamat, tadbir urus dan keusahawan diambil kira dalam penilaian. Panel penilaian akan diketuai oleh Flextronics dan dianggotai oleh Pasukan Kerja LA 21 MPSP. Pada tahun ini, lawatan panel penilaian akan diadakan pada bulan Mac dan April untuk memberi nasihat kepada komuniti bagi meningkatkan kerja penjagaan alam sekitar dalam pengurusan sisa domestik. Tarikh tutup untuk menghantar laporan oleh komuniti adalah pada 14 Julai 2014 dan lawatan oleh panel penilaian untuk pemarkahan akan dilakukan dalam bulan Ogos 2014.

Kriteria penilaian adalah seperti berikut:

- i - Perancangan dan pengurusan - 20 markah
- ii - Amalan sisa sifar (4R) - 40 markah
- iii - Kebersihan dan penghijauan - 20 markah
- iv - Penglibatan komuniti - 20 markah

Untuk makluman, YB, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Pada tahun lalu sebanyak lapan penyertaan diterima dan kesemuanya telah menerima anugerah bagi inisiatif yang telah dilaksanakan. Manakala pada tahun ini MPSP mensasarkan sebanyak 20 pertubuhan komuniti mengambil bahagian. Pada tahun ini, Flextronics menaja sebanyak 15 hadiah. Pemenang akan memperolehi ganjaran berbentuk wang tunai dan sijil kepujian.

Tempat Pertama : RM 2,500.00 dan Sijil Kepujian

Tempat Kedua : RM 1,800.00 dan Sijil Kepujian

Tempat ketiga : RM 1,000.00 dan Sijil Kepujian

11 Hadiah Saguhati : RM 500.00 dan Sijil Kepujian

Hadiah-hadiah ini merupakan tajaan oleh Flextronics Technology (Penang) Sdn. Bhd. Terima kasih Flextronics.

Terdapat satu anugerah khas iaitu Anugerah Khas Inovasi dengan hadiah bernilai RM700.00.

YB, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Untuk makluman, MPSP fokus untuk mewujudkan masyarakat berorientasikan 4R kerana kita mempunyai penjanaan sisa yang tinggi, kekurangan tempat pelupusan sampah serta peningkatan kos pengurusan sampah, pembuangan sampah haram dan pengurangan impak kepanasan global. Masyarakat perlu meningkatkan usaha untuk menghalang produk

menjadi sisa, guna sehingga tidak boleh diguna dan seterusnya mengasingkan sumber yang boleh dikitar semula. Amalan 4R iaitu *Rethink, Reduce, Reuse and Recycle* haruslah diterapkan di dalam kehidupan seharian bagi mencapai komuniti mampan dan *low carbon city*.

Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan

Pada tahun 2013, kita telah mencapai kadar kitar semula melebihi 32%.

PERATUSAN KADAR KITAR SEMULA BAGI TAHUN 2013

Bil	Bulan	Beratan Kitar Semula (Tan)	Beratan Sampah (Tan)	Jumlah Beratan (Tan)	Peratus Kitar Semula (%)
1	Januari	15,980.62	31,182.29	47,162.91	33.88
2	Februari	16,853.78	30,858.90	47,712.68	35.32
3	Mac	15,948.86	36,202.99	52,151.85	30.58
4	April	17,461.89	40,098.85	57,560.74	30.34
5	Mei	19,341.56	38,827.73	58,169.29	33.25
6	Jun	18,222.24	35,290.85	53,513.09	34.05
7	Julai	15,064.60	40,045.72	55,110.32	27.34
8	Ogos	15,015.17	34,554.97	49,570.14	30.29
9	September	17,531.90	35,600.85	53,132.75	33.00
10	Oktober	18,907.12	35,982.15	54,889.27	34.45
11	November	18,922.94	33,652.69	52,575.63	35.99
12	Disember	18,598.63	35,408.23	54,006.86	34.44
	JUMLAH	207,849.31	427,706.22	635,555.53	32.70

Kos Penjimatan Bayaran Pelupusan Sisa Pepejal di tapak pelupusan adalah sebanyak RM4,198,556.00 [RM20.20 (*Tipping Fees* untuk pelupusan) * 207,849.31 (Beratan kitar semula)]

Semasa saya di Yokohama menghadiri dan menyampaikan satu kertas kerja di ‘*Asia Smart City Conference*’ pada tahun lepas (2013), Datuk Bandar Quezon City memaklumkan di perbandaran Quezon hanya 3% sisa sampah dihantar ke tapak pelupusan sampah. Ini bermakna kitar semula mereka adalah sebanyak 97%. Sementara semasa saya berada di Taiwan menghadiri forum di sana, Datuk Bandarnya berkata bahawa mereka dapat mengurangkan penjanaan sampah sehingga 65%. Saya percaya dan yakin penduduk di Seberang Perai juga dapat mengikut dan melaksanakan langkah-langkah kitar semula dengan lebih baik.

Untuk merealisasikan konsep eco-town dan low carbon city di Seberang Perai, 4 prinsip seperti berikut perlu diamalkan setiap masa:-

- i. Anggap sisa itu sebagai sumber
- ii. Pendekatan bersepadu dalam pengurusan sumber di mana semua pihak perlu bersama-sama terlibat untuk menjayakan konsep ini.
- iii. Mencari penyelasaian bagi memperolehi faedah berbagai dalam pembangunan 'zero carbon'
- iv. Eco town sebagai model di tempatan untuk diperluaskan ke nasional

Sebelum mengakhiri ucapan, saya ucapan ribuan terima kasih kepada Flextronics Technology (Penang) Sdn Bhd kerana menaja hadiah-hadiah dan bekerjasama dengan MPSP dalam Anugerah Komuniti Mampan ini.

MPSP sangat berbesar hati dan berharap Flextronics Technology (Penang) Sdn Bhd dapat terus menaja anugerah seperti ini di masa dan tahun-tahun yang akan datang. Di samping itu, saya juga berharap lebih banyak lagi syarikat-syarikat besar di luar sana akan mengikut jejak langkah Syarikat Flextronics Technology untuk menjayakan hasrat MPSP dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke arah mencapai “*International World Class Intelligence City*”.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.